



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 28 / 2020

PENGUNDI DIINGATKAN BAWA KAD PENGUNDI (*VOTER'S CARD*) ATAU SEMAK AWAL MAKLUMAT PENGUNDIAN

1. Para pengundi di Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.23 Chini, Pahang yang telah menerima kad pengundi (*voter's card*) atau telah mengetahui maklumat pengundian, tidak lagi perlu membuat semakan di barung semakan SPR. Sebaliknya, mereka boleh terus ke saluran mengundi. Pada *voter's card* kali ini, SPR juga meletakkan maklumat "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN" bagi setiap pengundi. SPR amat berharap pengundi keluar mengundi mengikut "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN" untuk mengelakkan pengundi berkumpul dalam jumlah yang ramai dan seterusnya memastikan penjarakan sosial dalam kalangan pengundi semasa berada di pusat mengundi.

2. Para pengundi yang tidak menerima kad pengundi (*voter's card*), boleh membuat semakan maklumat pengundian mereka lebih awal sebelum hari pengundian. Semakan boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut:
 - a) Portal semakan pemilih iaitu <https://pengundi.spr.gov.my>; atau
 - b) *Hotline* SPR di talian 03-88927018; atau
 - c) Aplikasi MySPR Semak; atau

d) SMS ke 15888 (taip SPR<jarak>SEMAK<jarak>NO.KAD
PENGENALAN)

3. Para pengundi juga diingatkan supaya membawa kad pengenalan dan kad pengundi (*voter's card*) atau catatan maklumat pengundian serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran. Manakala bagi pengundi yang baru membuat semakan, mereka disarankan untuk mencatat dan menyimpan maklumat-maklumat berikut:

- a) pusat mengundi;
- b) saluran mengundi; dan
- c) nombor bilangan pemilih.

4. Kad pengundi (*voter's card*) atau catatan maklumat pengundian itu akan memudahkan KP1 untuk membuat semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada hari mengundi.

5. SPR ingin menyeru semua pengundi untuk melaksanakan hak mengundi mereka. Selamat mengundi!

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 26 Jun 2020 / 4 Zulkaedah 1441H